



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

## **KENYATAAN MEDIA**

**BIL. 35 / 2020**

### **URUSAN PILIHAN RAYA KECIL (PRK) DEWAN UNDANGAN NEGERI (DUN) N.58 SLIM, PERAK**

1. Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) telah menerima pemakluman rasmi daripada Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri (DUN) Perak, YB Dato' Mohammad Zahir bin Dato' Abdul Khalid pada 17 Julai 2020, berkenaan dengan kekosongan luar jangka kerusi DUN N.58 Slim, Perak berikutan kembalinya ke rahmatullah penyandangannya Allahyarham YB Dato' Mohd Khusairi bin Abdul Talib pada hari Rabu, 15 Julai 2020.
2. Sehubungan dengan itu, SPR telah mengadakan Mesyuarat Khas pada hari ini dan menetapkan bahawa satu Pilihan Raya Kecil (PRK) perlu diadakan dalam tempoh 60 hari dari tarikh kekosongan yang dipastikan oleh SPR mulai pada 17 Julai 2020 bagi mengisi kekosongan di kerusi DUN berkenaan.
3. Bagi maksud melaksanakan PRK DUN N.58 Slim, Perak ini, satu garis panduan pencegahan Covid-19 yang ditambah baik selepas PRK N.23 Chini, Pahang akan dikuatkuasakan. SPR akan

memastikan setiap proses dalam urusan pilihan raya tersebut selari dengan langkah-langkah kawalan penyebaran wabak Covid-19 sebagaimana yang dinasihatkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

4. Perkara utama yang diketengahkan adalah pematuhan kepada penjarakan sosial, pemakaian pelitup muka separuh (*face mask*), penggunaan pensanitasi tangan (*hand sanitizer*) dan proses saringan suhu badan. SOP khas ini akan dilaksanakan dengan ketat di semua proses pilihan raya iaitu taklimat petugas, proses penamaan calon, proses cetakan dan semakan kertas undi, pengeluaran dan pengiraan kertas undi pos, semakan isi peti undi, sepanjang tempoh berkempen, hari mengundi dan penjumlahan rasmi undi.
5. Berhubung urusan kempen pilihan raya, SPR akan memastikan sebarang bentuk aktiviti kempen yang boleh dilaksanakan adalah selari dengan arahan Kerajaan yang berkuat kuasa pada waktu yang berkenaan dalam usaha mengawal penularan wabak Covid-19. Di antaranya jumlah kehadiran peserta bagi kempen pilihan raya melalui ceramah/syarahan tidak lagi dihadkan kepada 250 orang tetapi adalah tertakluk kepada saiz keluasan ruang dan penjarakan sosial.

6. Bagi maksud menjalankan PRK ini, SPR telah menetapkan tarikh-tarikh penting seperti yang berikut :

**Hari Penamaan Calon** : **15 Ogos 2020 ( Sabtu )**  
**Hari Mengundi Awal** : **25 Ogos 2020 ( Selasa )**  
**Hari Mengundi** : **29 Ogos 2020 ( Sabtu )**

7. Tempoh berkempen yang ditetapkan adalah 14 hari bermula selepas pengisytiharan calon-calon yang bertanding sehingga pukul **11.59 malam, 28 Ogos 2020 (Jumaat)**.

8. Bagi urusan permohonan undi pos luar negara dan dalam negara, tarikh buka dan tarikh tutup permohonan adalah seperti berikut :

**Tarikh Buka** : **23 Julai 2020 ( Khamis )**  
**Tarikh Tutup** : **13 Ogos 2020 ( Khamis )**

9. Bagi proses Pilihan Raya Kecil ini, **Pegawai Daerah Muallim, Encik Shamsul Ridzuan bin Idris** dilantik sebagai **Pegawai Pengurus Pilihan Raya Kecil DUN N.58 Slim, Perak**. Beliau akan dibantu oleh empat (4) orang Penolong Pegawai Pengurus.

10. SPR juga bersetuju menubuhkan **dua (2) Pasukan Penguat Kuasa Kempen Pilihan Raya (PP-KPR)** untuk memantau semua aktiviti kempen pilihan raya sepanjang tempoh rasmi berkempen. Pasukan PP-KPR ini akan dianggotai oleh wakil-wakil daripada pihak Polis, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan wakil-wakil calon yang bertanding.

11. SPR akan menggunakan **Dewan Sri Tanjung, Majlis Daerah Tanjong Malim** sebagai **Pusat Penamaan Calon dan Pusat Penjumlahan Rasmi Undi**.
12. Untuk memudahkan proses penamaan calon, SPR menyeru kepada bakal-bakal calon yang ingin bertanding dalam PRK N.58 Slim, Perak agar mengisi dan membuat semakan awal pengisian borang tersebut dengan Pejabat Pegawai Pengurus atau Pejabat Pilihan Raya Negeri Perak sebelum Hari Penamaan Calon. Selain itu, bakal-bakal calon juga adalah dicadang untuk membuat pembayaran deposit secara atas talian lebih awal. Ini adalah bertujuan untuk memastikan semua proses penamaan calon dapat diselesaikan lebih awal dan berjalan lancar.
13. Walau bagaimanapun, adalah diingatkan bahawa Kertas Penamaan Calon yang telah lengkap diisi dan disemak oleh Pejabat Pegawai Pengurus itu hendaklah dikemukakan oleh calon atau penyokong atau pencadangnya semasa Hari Penamaan Calon di Pusat Penamaan Calon yang telah ditetapkan oleh SPR.
14. SPR akan meneruskan penyiaran secara langsung proses-proses pilihan raya menerusi *FB Live* di laman *Facebook* SPR sebagaimana yang dilaksanakan pada PRK sebelum ini. SPR juga akan menyiarkan kepada umum keputusan tidak rasmi PRK yang tertakluk kepada pengesahan melalui laman media sosial SPR, portal SPR dan juga paparan skrin di Pusat Penjumlahan Rasmi Undi.

15. Seramai **689 orang petugas** akan dilantik bagi mengendalikan proses PRK N.58 Slim, Perak. Manakala sebanyak **13 buah Pusat Mengundi** yang mengandungi kesemuanya **55 saluran** akan digunakan untuk kemudahan mengundi. PRK ini dianggarkan memerlukan peruntukan sebanyak **RM4.6 juta**.
16. **Daftar Pemilih Pilihan Raya** yang akan digunakan untuk PRK ini adalah Daftar Pemilih Induk **2019** dan Daftar Pemilih Tambahan ST1/2020 yang **dikemaskini sehingga 16 Julai 2020**. Daftar Pemilih tersebut mengandungi **23,094 orang pengundi** yang terdiri daripada 22,815 orang pengundi biasa, 277 orang pengundi awal polis dan 2 orang Pengundi Tidak Hadir (PTH) Luar Negara. Daftar Pemilih tersebut akan mula dijual pada **5 Ogos 2020 (Rabu)**.
17. SPR akan turut menghantar **Kad Pengundi (Voter's Card)** kepada semua pengundi di DUN N.58 Slim, Perak. *Voter's Card* ini mengandungi maklumat Pusat Mengundi, Saluran Mengundi, Nombor Bilangan Pengundi, Tarikh, Masa Pengundian dan Cadangan Masa Keluar Mengundi yang digalakkan. Ia akan memudahkan pengundi untuk mengetahui maklumat pengundian mereka dan melancarkan lagi proses pada hari mengundi serta membantu dalam pematuhan penjarakan sosial di pusat-pusat mengundi.
18. Mulai tarikh **5 Ogos 2020 (Rabu)**, para pengundi boleh membuat **semakan Daftar Pemilih** untuk mengetahui maklumat pusat

mengundi, saluran mengundi dan nombor bilangan mereka melalui laman portal SPR ([www.spr.gov.my](http://www.spr.gov.my)) atau menelefon ke talian **03-88927018** atau melalui **SMS 15888** atau melalui aplikasi **MySPR Semak**.

19. Pada PRK ini juga, SPR turut menawarkan kepada mana-mana agensi Kerajaan, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), mana-mana badan atau individu berkeelayakan yang berminat untuk menjadi pemerhati pilihan raya dalam melihat perjalanan proses PRK ini bermula dari hari penamaan calon sehingga keputusan pilihan raya diumumkan. Mereka dibenarkan untuk membuat pemerhatian seperti di pusat penamaan calon, pusat mengundi, tempat pengiraan undi dan pusat penjumlahan rasmi undi serta perlu mematuhi kesemua syarat-syarat pelantikan yang telah ditetapkan oleh SPR. Permohonan untuk menjadi **Pemerhati Pilihan Raya Kecil** ini boleh dikemukakan kepada SPR melalui e-mel [pilihanrayakecil@spr.gov.my](mailto:pilihanrayakecil@spr.gov.my) mulai hari ini, **23 Julai 2020 (Khamis)** dan tarikh tutup adalah pada **29 Julai 2020 (Rabu)**.
20. Bagi menggalakkan pengundi supaya keluar menunaikan tanggungjawab mereka pada hari mengundi, SPR akan melaksanakan kempen **`Jom Kita Undi`** melalui pelbagai saluran media termasuk di media elektronik, media sosial, media cetak, hebahan melalui siar raya dan pemasangan kain rentang di lokasi-lokasi strategik seperti di tempat-tempat tumpuan awam, hentian bas dan lain-lain tempat yang bersesuaian.

21. SPR mensasarkan **70 peratus pengundi** akan keluar mengundi. SPR juga memohon kerjasama semua pihak termasuk pihak media dan parti-parti politik agar turut mengambil langkah untuk menyeru dan menggalakkan pengundi supaya keluar mengundi.
22. SPR juga akan meneruskan penambahbaikan seperti berikut:
- a. Menyediakan saluran khusus bagi pengundi yang berumur 60 tahun dan ke atas di setiap Pusat Mengundi;
  - b. Memanjangkan tempoh masa pengundian selama 30 minit dari jam 8.00 pagi hingga 5.30 petang berbanding sehingga jam 5.00 petang pada PRU-14;
  - c. Sebanyak 10 saluran baharu ditambah bagi mengelakkan jumlah pengundi terlalu ramai di satu-satu saluran menjadikan keseluruhannya adalah 55 saluran berbanding 45 saluran pada PRU-14; DAN
  - d. Pengundi-pengundi **Orang Kurang Upaya (OKU)** akan mengundi di Saluran 1. Pada PRK ini seramai **391 orang** pengundi OKU telah dikenal pasti dan mereka adalah berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

23. Maklumat-maklumat lain berhubung dengan pilihan raya kecil ini, terutamanya mengenai SOP khas perjalanan pilihan raya yang mengambilkira pandemik Covid-19 akan dimaklumkan dari semasa ke semasa oleh SPR.

Sekian dan terima kasih.



**DR. AZMI SHAROM**

Timbalan Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR)

Tarikh : 23 Julai 2020 / 2 Zulhijjah 1441H